

03 JUN 2000

Mahathir-Sukan

SUKAN BOLEH BANTU M'SIA TINGKAT SEMANGAT BERLUMBA DI DUNIA

NIBONG TEBAL, 3 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta rakyat negara ini menjadikan sukan sebagai peniup semangat kepada rakyat untuk berlumba serta bersaing dengan negara lain di dunia.

Perdana Menteri berkata, negara ini telah membuktikan bahawa apa yang dicuba dan disertainya menghasilkan kejayaan seperti slogan Malaysia Boleh.

"Percayalah, kalau kita tekun membuat berulang kali, tidak dapat tidak, kita akan menjadi lebih cekap," katanya ketika berucap menutup Sukan Malaysia (Sukma) Kelapan di Stadium Negeri Batu Kawan dekat sini.

Beliau berkata, (dengan bersukan) tubuh badan kita akan menjadi lebih kuat, dan rakyat negara ini akan berkebolehan sama dengan bangsa lain di dunia.

Menurutnya, tubuh badan generasi muda negara sekarang inipun lebih tinggi daripada ibu bapa mereka di mana kini tidak sukar untuk mendapatkan rakyat yang mempunyai ketinggian hampir dua meter (enam kaki).

Mahathir berkata, sukan juga boleh memainkan peranan menyatupadukan rakyat berbilang bangsa di negara ini yang diketuai oleh tiga masyarakat utama iaitu Melayu, Cina, India dan Bumiputera yang lain.

"Bila bersukan, mereka dapat bergaul dan bercampur dan dapat bertanding lebih bersemangat...kita tidak rasa terasing dari rakan-rakan berketurunan lain, malah akan menimbulkan semangat berpasukan," katanya.

Ini dapat mendorong rakyat negara ini untuk mengutamakan pasukan negara ini dan memberi sumbangan untuk membentuk satu bangsa Malaysia, katanya.

"Saya percaya dengan kemajuan di dalam sukan, kemajuan akan dicapai di dalam usaha membentuk satu bangsa negara Malaysia," katanya sambil menegaskan ini akan menjamin Malaysia bebas, merdeka, dan berdaulat.

Melalui pencapaian itu, Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia dengan sendirinya akan mempertahankan bidang-bidang lain seperti pertahanan, ketenteraan, ekonomi dan ideologi.

Mahathir berkata, melalui sukan, dunia akan turut mengakui bahawa Malaysia adalah juga sebuah negara bebas dan berdaulat.

Selain itu, beliau berkata, Malaysia turut bercita-cita untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik dan dalam hubungan ini atlet negara ini perlu berlatih sehingga mencapai taraf dunia.

Melalui keupayaan atlet negara memecah lebih 60 rekod di Sukan Malaysia ini, beliau berkata, beliau yakin satu hari nanti, atlet negara ini akan dapat bersaing dengan jaguh-jaguh terkenal di dunia.

Bercakap pada pemberita kemudiannya, Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada Pulau Pinang kerana berjaya menganjurkan Sukma kelapan ini dengan baik sekali.

Kejayaan itu ialah hasil daripada sokongan rakyat Pulau Pinang yang menunjukkan minat untuk bersukan, katanya.

-- BERNAMA

AHM zb